



## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase the Bank Simpanan Nasional Warga Emas Plan. Be sure to also read the general terms and conditions.

**Product: Bank Simpanan Nasional Warga Emas Plan**

**Master Policyholder: Bank Simpanan Nasional**

**Date Issued: 01<sup>st</sup> November 2024**

### 1. What is this product about?

- (a) This product provides compensation in the event of injuries, disability or death caused by a sudden and unforeseen accident. Coverage provided is worldwide and 24 hours a day.
- (b) This cover can be purchased by any Bank Simpanan Nasional savings and current account holders for themselves, their spouse and for their parents.

### 2. What are the covers/benefits provided?

This Policy covers:

- (a) Accidental Death And Permanent Total Disablement
- (b) Casualty Cash Benefit (due to Accident)
- (c) Daily Care Cash Benefit (due to Accident)
- (d) Hospital Relief Cash Benefit (up to max – 200 days due to Accident)

You may extend the policy to provide the following benefit by paying additional premium:

- (a) Accidental Medical Reimbursement

*Note: Please refer to the schedule of benefits which is attached in your policy contract for further details of the benefits.*

Duration of cover is for one month. Your coverage is renewed automatically upon payment of premium subject to the renewal condition as stated in your policy contract.

### 3. How much premium do I have to pay?

- (a) You may refer to the [premium table](#) for the relevant premium applicable to you.
- (b) Premium is payable on a monthly basis.
- (c) Please keep the proof of premium payment for any future reference.

### 4. Who is the insurance intermediary/agent?

Not applicable.

### 5. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
Commission paid to the insurance intermediary/agent (Included in the premium)	No commission is applicable
Service Tax	8% of premium

*Note: A stamp duty of RM10.00 is paid by the Master Policyholder.*

### 6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

#### (a) Importance of disclosure:

You must take reasonable care to ensure that all your answers to the questions are full, complete, correct, and honest and to the best of your knowledge.

You also have to duty to inform AIG Malaysia of any change in the information given to us earlier before we issue the policy schedule to you, before you renew or change any of the terms of your policy. If you don't, your policy may be cancelled, or treated as if it never existed, or your claim rejected or not fully paid.

#### (b) Claims:

- (i) All claims must be notified to us within 30 days from the date of loss.
- (ii) All supporting documents proving the loss must be submitted 90 days from the date of loss.
- (iii) No claim will be admissible if notified after 1 year from the date of loss.
- (iv) All claims will be paid to you. In the event of death, claims will be paid to your nominee or estate.



- (c) **Number of policies:** You can only be covered under 1 policy in respect of this insurance.
- (d) **Age:**
- (i) The insured person/s must be 18 years and above and below the age of 75 years to qualify for cover which is renewable at our discretion up to 85 years.
  - (ii) The age of the insured person/s is based on the age as of their last birthday.
- (e) **Sanction:**  
AIG Malaysia shall not be deemed to provide cover and AIG Malaysia shall not be liable to pay any claim or provide any benefit hereunder to the extent that the provision of such cover, payment of such claim or provision of such benefit would expose AIG Malaysia, AIG Malaysia's parent company or AIG Malaysia's ultimate controlling entity to any sanction, prohibition or restriction under United Nations resolutions or the trade or economic sanctions, laws or regulations of the European Union or the United States of America.

**7. What are the major exclusions under this policy?**

This policy does not cover death or injury caused by or to:

- (a) Members of the armed forces and professional sportsmen;
- (b) Suicide or intentional self inflicted injuries;
- (c) During air travel unless as a fare-paying passenger;
- (d) Violation of law and any payment that would violate any government prohibition or regulation.
- (e) Drug-related accidents;
- (f) Mental or nervous disorders;
- (g) Any pre-existing conditions occurring prior to the policy effective date where the insured person/s;:
  - has received or is receiving treatment;
  - has been given medical advice, diagnosis or where care or treatment has been recommended;
  - has clear and distinct symptoms that are or were evident; or
  - when its existence would have been apparent to a reasonable person in the circumstances.
- (h) Acquired Immune Deficient Syndrome (AIDS), Human Immune Deficiency Virus (HIV);
- (i) Driving or riding in any type of race using a motorized vehicle;
- (j) Nuclear, chemical or biological materials;
- (k) War;
- (l) Cover or service for:
  - any loss, injury, damage or legal liability arising directly from travel in, to or through Afghanistan, Cuba, Democratic Republic of Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan or Syria; and
  - any loss, injury, damage or legal liability suffered or sustained directly or indirectly by an insured person if that insured person is a terrorist, a member of terrorist, a narcotics or a purveyor of nuclear, chemical or biological weapons.

*Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the full list of exclusions under this policy.*

**8. Can I cancel my policy?**

- (a) You may cancel your policy by giving us 30 days written notice. Your cover will continue for the duration which premium has been received and will terminate upon expiry of such period;
- (b) We can cancel this policy by giving you 30 days written notice. Your cover will continue for the duration which premium has been received and will terminate upon expiry of such period.

**9. What do I need to do if there are changes to my contact/personal details?**

It is important that you inform us of any change in your life profile which would affect the risk profile.

**10. Where can I get further information?**

Should you require additional information about this policy, please refer to the insuranceinfo booklet on "Personal Accident Insurance", available at all our branches or you can obtain a copy from the insurance agent or visit [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

If you have any enquiries, please contact us at:

AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)

P O Box 11768,

50756 Kuala Lumpur

Phone : 1800 88 8811 / 603 2118 0188

Fax : 603 2118 0288

E-mail : [ALGMYCare@aig.com](mailto:ALGMYCare@aig.com)



**11. Other types of Personal Accident cover available.**

Please refer to our website at: [www.aig.my](http://www.aig.my)

**IMPORTANT NOTE:**

**YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCALE OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR INSURANCE POLICY. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE PERSONAL ACCIDENT POLICY THAT YOU HAVE PURCHASED.**

**YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE CONTRACT TERMS AND DISCUSS FURTHER WITH THE COMPANY IF THERE ARE ANY TERMS THAT YOU DO NOT UNDERSTAND BEFORE ACCEPTING THE POLICY CONTRACT. IF THERE ARE ANY QUESTIONS REGARDING THE TERMS AND CONDITIONS OF THIS PRODUCT DISCLOSURE SHEET, THE INSURED PERSON MAY CONTACT THE COMPANY.**

**BY ACCEPTING THE POLICY CONTRACT, YOU ACKNOWLEDGE THAT THE KEY CONTRACT TERMS HAVE BEEN ADEQUATELY EXPLAINED BY THE AGENT OR COMPANY TO YOU AND THAT THE POLICY CONTRACT OFFERED IS SUITABLE FOR YOUR INSURANCE NEEDS.**

**IF THERE IS A CONFLICT BETWEEN A TRANSLATED TEXT, IF APPLICABLE, FOR ALL PURPOSES, THE ENGLISH TEXT SHALL PREVAIL.**

AIG Malaysia Insurance Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at 01<sup>st</sup> November 2024.



## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila membaca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Pelan Warga Emas Bank Simpanan Nasional. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am juga.

**Produk:** Pelan Warga Emas Bank Simpanan Nasional

**Pemegang Polisi Induk:** Bank Simpanan Nasional

**Tarikh Dikeluarkan:** 01 November 2024

### 1. Apakah produk ini?

- (a) Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, kehilangan upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan yang berlaku secara tiba-tiba dan tidak dapat dijangka. Perlindungan adalah 24 jam sehari dan meliputi seluruh dunia.
- (b) Perlindungan ini boleh dilanggan oleh mana-mana pengguna perkhidmatan perbankan yang merupakan pemegang akaun simpanan atau akaun semasa Bank Simpanan Nasional bagi pihak individu, pasangan sah atau ibu bapa mereka.

### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- (a) Kematian Dan Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal Akibat Kemalangan
- (b) Manfaat Tunai Kecederaan (disebabkan oleh Kemalangan)
- (c) Manfaat Tunai Penjagaan Harian (disebabkan oleh Kemalangan)
- (d) Manfaat Tunai Kemasukan Hospital (sehingga maksimum – 200 hari disebabkan oleh Kemalangan)

Anda boleh memperluas polisi untuk memberikan manfaat berikut dengan membayar premium tambahan:

- (a) Pembayaran Balik Perubatan akibat Kemalangan

*Nota: Sila rujuk kepada jadual manfaat yang dilampirkan pada Ungkapan Polisi untuk butiran lanjut mengenai Manfaat.*

Tempoh perlindungan adalah selama sebulan. Perlindungan anda diperbaharui secara automatik selepas pembayaran premium tertakluk kepada syarat pembaharuan yang dinyatakan dalam Ungkapan Polisi anda.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- (a) Anda boleh merujuk kepada [jadual premium](#) untuk maklumat premium relevan yang berkaitan dengan anda.
- (b) Premium perlu dibayar setiap bulan.
- (c) Sila simpan bukti pembayaran premium untuk apa-apa rujukan masa hadapan.

### 4. Siapakah perantara/ejen insurans?

Tidak berkaitan.

### 5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Amaun
Komisen yang dibayar kepada perantara/ejen insurans (Termasuk dalam premium)	Tiada komisen dikenakan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium

*Nota: Duti setem sebanyak RM10.00 dibayar oleh Pemegang Polisi Induk.*

### 6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya beri perhatian?

#### (a) Kewajipan Pendedahan:

Anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua jawapan anda kepada soalan adalah penuh, lengkap, betul dan jujur sepanjang pengetahuan anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memaklumkan AIG Malaysia tentang sebarang perubahan dalam maklumat yang diberikan kepada kami terdahulu sebelum kami mengeluarkan jadual polisi kepada anda, sebelum anda memperbaharui atau menukar mana-mana terma polisi anda. Jika anda tidak berbuat demikian, polisi anda mungkin dibatalkan, atau dianggap tidak pernah wujud, atau tuntutan anda ditolak atau tidak dibayar sepenuhnya.



- (b) **Tuntutan:**
- (i) Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kerugian.
  - (ii) Semua dokumen sokongan yang membuktikan kerugian hendaklah diserahkan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kerugian.
  - (iii) Tiada tuntutan yang akan diterima jika dikemukakan selepas 1 tahun dari tarikh kerugian.
  - (iv) Semua tuntutan akan dibayar kepada anda. Sekiranya berlaku kematian, tuntutan akan dibayar kepada penama atau estet anda.
- (c) **Bilangan polisi:** Anda hanya dilindungi di bawah satu polisi menurut insurans ini.
- (d) **Umur:**
- (i) Anda, pasangan sah atau ibu bapa anda hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas dan di bawah 75 tahun untuk layak menerima perlindungan dan polisi ini boleh diperbaharui sehingga 85 tahun.
  - (ii) Umur anda adalah merujuk kepada harijadi terakhir anda.
- (e) **Sanksi:**  
AIG Malaysia tidak boleh dianggap memberikan perlindungan dan AIG Malaysia tidak bertanggungjawab untuk membayar mana-mana tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah polisi ini yang mana peruntukan perlindungan tersebut, bayaran tuntutan atau peruntukan manfaat akan mendedahkan AIG Malaysia, syarikat induk AIG Malaysia atau entiti yang mengawal AIG Malaysia, terhadap apa-apa sekatan, larangan atau halangan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan-peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat.

**7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang diakibatkan oleh atau kepada:

- (a) Ahli angkatan tentera dan ahli sukan profesional;
- (b) Bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan;
- (c) Semasa mengikuti penerbangan melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang;
- (d) Pelanggaran undang-undang dan apa-apa bayaran yang boleh melanggar mana-mana pengharaman atau peraturan kerajaan.
- (e) Kemalangan berkaitan pengambilan dadah;
- (f) Gangguan mental atau saraf;
- (g) Keadaan sebelum tarikh anda mendaftar polisi ini di mana:
  - anda sudah/sedang menerima rawatan;
  - kaunseling, rawatan atau diagnosis telah disyorkan kepada anda;
  - simptom-simptom adalah jelas dan nyata; atau
  - keadaan adalah ketara.
- (h) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)), Virus Kurang Daya Tahan Manusia (Human Immunodeficiency Virus (HIV));
- (i) Memandu atau menunggang dalam mana-mana jenis perlumbaan menggunakan kenderaan bermotor;
- (j) Bahan-bahan nuklear, kimia atau biologi;
- (k) Peperangan;
- (l) Perlindungan atau perkhidmatan untuk:
  - sebarang kehilangan, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung daripada perjalanan masuk, ke atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan atau Syria; dan
  - sebarang kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang dialami atau dialami secara langsung atau tidak langsung oleh orang yang diinsuranskan jika orang yang diinsuranskan itu adalah pegganas, ahli pegganas, narkotik atau pembekal senjata nuklear, kimia atau biologi.

*Nota: Senarai ini tidak sempurna. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?**

- (a) Anda boleh membatalkan polisi anda dengan menyerahkan notis 30 hari secara bertulis kepada kami. Perlindungan anda akan diteruskan selama tempoh di mana premium telah dibayar dan akan tamat selepas tempoh tersebut berakhir;
- (b) Kami boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan notis 30 hari secara bertulis kepada anda. Perlindungan anda akan diteruskan selama tempoh di mana premium telah dibayar dan akan tamat selepas tempoh tersebut berakhir.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butir-butir peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang apa-apa perubahan pada profil anda yang boleh memberi kesan kepada profil risiko.



**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai polisi ini, sila rujuk risalah 'Insurance Info' mengenai "Insurans Kemalangan Diri", yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh dapatkan salinannya daripada ejen insurans, atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AIG Malaysia Insurance Berhad (200701037463)

P O Box 11768,

50756 Kuala Lumpur

Phone : 1800 88 8811 / 603 2118 0188

Fax : 603 2118 0288

E-mail : [AIGMYCare@aig.com](mailto:AIGMYCare@aig.com)

**11. Lain-lain jenis perlindungan kemalangan diri yang boleh didapati.**

Sila rujuk laman web kami di: [www.aig.my](http://www.aig.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCATAT SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI.**

**ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA KONTRAK DAN BERBINCANG LEBIH LANJUT DENGAN SYARIKAT JIKA TERDAPAT APA-APA TERMA YANG ANDA TIDAK FAHAM SEBELUM MENERIMA KONTRAK POLISI. SEKIRANYA TERDAPAT APA-APA PERTANYAAN MENGENAI TERMA DAN SYARAT HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK INI, ORANG YANG DIINSURANSKAN BOLEH MENGHUBUNGI SYARIKAT.**

**DENGAN MENERIMA KONTRAK POLISI, ANDA MENGAKUI BAHAWA TERMA KONTRAK UTAMA TELAH DIJELASKAN DENGAN SECUKUPNYA OLEH EJEN ATAU SYARIKAT KEPADA ANDA DAN BAHAWA KONTRAK POLISI YANG DITAWARKAN ADALAH SESUAI DENGAN KEPERLUAN INSURANS ANDA.**

**JIKA TERDAPAT PERTIKAIAN ATAU KEKABURAN UNTUK TEKS DI DALAM PERUNTUKAN ENGLISH ATAU BAHASA MELAYU, VERSI ENGLISH AKAN DIGUNAKAN.**

AIG Malaysia Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada 01 November 2024.